

MENJAUHI PERBUATAN ZINA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

أما بعد،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ،

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Sesungguhnya perkara yang sangat dititikberatkan dalam Islam adalah berkaitan nasab (keturunan). Nasab memainkan peranan yang penting bagi memastikan kesucian dan kemuliaan keturunan. Menghampiri zina adalah seburuk-buruk jalan kehidupan bagi manusia. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Isra ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَى إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud: “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang buruk (yang membawa kerosakan).”

Perbuatan zina adalah perbuatan sangat keji dan dosa besar kerana memutuskan nasab, mencemarkan maruah, menyebarkan penyakit dan menyebabkn kefakiran dan sebagainya.

Allah Subhanahu wa-Taala menyebut perbuatan zina ini dengan tiga jenis keburukan iaitu pertama orang yang berzina itu adalah orang yang dikeji, kedua perbuatan zina itu dibenci oleh Allah dan ketiga membawa kepada seburuk-buruk kehidupannya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bahawa Nabi *Sallallahu Alaihi Wasallam* menyampaikan nasihat yang sangat menyentuh hati tentang seorang pemuda memohon keizinan daripada Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* untuk melakukan zina. Baginda *Sallallahu Alaihi Wasallam* dengan penuh hikmah bertanya kepada pemuda itu, sukakah kamu jika seseorang berzina dengan ibumu, anak perempuan dan saudara perempuan kamu? Pemuda itu menjawab, ya, dan dia juga benci jika perzinaan itu berlaku kepada mereka. Maka dengan penuh hikmah Baginda *Sallallahu Alaihi Wasallam* menjawab, demikianlah juga pada orang lain, mereka tidak menyukai perzinaan berlaku terhadap ahli keluarga mereka. Kemudian Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* meletakkan tangannya pada pemuda tersebut sambil bersabda, “Ya Allah, ampunilah dosanya, bersihkan hatinya, dan jagalah kemaluannya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara menjelaskan sebanyak 532,158 kelahiran anak luar nikah yang didaftarkan pada tahun 2005 hingga 2015. Angka tersebut amat membimbangkan kita jika tidak dibendung dari sekarang. Ketahuilah bahawa sekiranya tidak disekat maka akan timbul kemungkaran yang lain. Jelaslah pada kita bahawa dosa zina adalah dosa besar selepas dosa syirik kepada Allah Subhanahu wa-Taala. Sabda Baginda Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* yang diriwayatkan oleh Ibnu Abi ad-Dunya:

مَا مِنْ ذَنْبٍ بَعْدَ الشِّرْكِ أَكْبَرُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ نُطْفَةٍ وَضَعَهَا رَجُلٌ فِي رَحِمٍ لَا
يَحِلُّ لَهُ

Yang bermaksud: “Tidak ada dosa yang lebih besar di sisi Allah selepas syirik, selain dosa lelaki yang meletakkan air mani ke dalam rahim yang tidak dihalalkan baginya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Dalam memastikan kemuliaan keturunan dalam Islam, Allah Subhanahu wa-Taala menetapkan hukuman yang keras kepada pelaku zina. Firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 2:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ

تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: “Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat setiap seorang daripada kedua-duanya seratus kali sebatan dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya dalam menjalankan hukum Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat serta hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan itu oleh sekumpulan daripada orang yang beriman.”

Ajaran Islam mendidik umatnya agar hidup dalam keadaan harmoni, jauh dari pertikaian nasab, pembunuhan disebabkan kerana maruah keluarga hasil perzinaan dan sebagainya. Ternyata agama Islam mengajak umatnya agar tidak sekali-kali terjebak dengan perzinaan kerana kesannya boleh

membawa kepada kematian dan hukuman yang keras kepada pelaku zina. Kita selaku umat Islam hendaklah menyokong dan mempertahankan kesucian nasab dengan melaksanakan hukuman menurut syariat Islam. Sudah tiba masanya kita menyokong untuk memperkasakan bidang kuasa mahkamah Syariah dengan memperkasakan RUU 355 walaupun perjalanan pelaksanaan hukuman ini memerlukan tempoh yang panjang untuk mencapai kesempurnaan. Namun menjadi tanggungjawab kita untuk memperkasakannya. Apabila umat Islam hidup dalam mengamalkan ajaran Islam, maka negara kita akan aman tenteram dalam rahmat daripada Allah Subhanahu wa-Taala.

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita bersama-sama mendidik generasi hari ini. Kita perlu memantau dan mendidik generasi kita agar menjauhi perkara yang boleh mendekatkan dengan zina seperti hiburan yang keterlaluan dan pakaian yang mencolok mata.

Penyalahgunaan peralatan media massa, sama ada media elektronik atau media cetak, termasuklah juga telefon pintar yang melalaikan serta mengundang keburukan pada anak-anak kita jika tidak dikawal dengan baik. Marilah kita mengikut akhlak Nabi Yusuf alaihissalam yang berusaha menjauhi dirinya daripada melakukan zina sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Yusuf ayat 23:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَرَوَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَنْ نَفْسِهِ، وَعَلَّقَتِ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ قَالَ

مَعَاذَ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَثْوَايَ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ

Yang bermaksud: "Perempuan yang rumahnya diduduki oleh Yusuf, bersungguh-sungguh menggoda Yusuf supaya berkehendakkan dirinya, lalu perempuan itu pun menutup pintu-pintu serta berkata. "Marilah ke mari, aku bersedia untukmu." Yusuf menjawab, "Aku berlindung kepada Allah, sesungguhnya Tuhanku telah memeliharaku dengan sebaik-baiknya, sesungguhnya orang yang zalim tidak akan berjaya."

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.